

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA PANDUAN 15****PROSEDUR PENYENARAIAAN UNTUK PERMULAAN
PENERIMAAN MASUK**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009 Kaedah 3.02, 5.02, 8.18 dan 15.03
Tarikh semakan:	22 September 2011, 3 Januari 2012, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 13 Mac 2019

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Panduan ini menyatakan kehendak berikut berhubung sesuatu permohonan untuk penerimaan masuk bawah Kaedah 3.02 Kehendak-kehendak Penyenaiaan:
- (a) prosedur penerimaan masuk;
 - (b) borang permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan; dan
 - (c) aku janji dan pengesahan oleh pemohon dan para pengarahnya; dan
 - (d) kehendak lain yang berkaitan.
- 1.2 Kehendak yang dinyatakan dalam Nota Panduan ini juga terpakai kepada perbadanan tersenarai yang melaksanakan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai. Walaubagaimana pun, jika perbadanan tersenarai tersebut menerbitkan sekuriti baru, perbadanan tersenarai juga mesti mematuhi kehendak bawah Nota Panduan 17, jika berkenaan.

2.0 Prosedur yang berkaitan dengan penerimaan masuk

- 2.1 Prosedur berikut terpakai untuk penerimaan masuk pemohon ke Senarai Rasmi, dengan pengubahsuaian yang diperlukan, sebagaimana yang boleh dipakai:
- (a) pemohon memfail dengan Bursa permohonan penyenaiaan bersama-sama dokumen sokongan;
 - (b) pemohon memfail salinan akhir prospektusnya dengan pihak berkuasa yang berkaitan;

Nota Panduan 15
Prosedur Penyenaian untuk Permulaan Penerimaan Masuk

- (c) Bursa memberi kelulusan untuk penerimaan masuk sekuriti;
- (d) pemohon -
 - (i) menerbitkan prospektusnya dan tempoh tawaran dibuka, jika penyenaian itu melibatkan tawaran sekuriti kepada awam;
 - (ii) mengiklankan prospektusnya;
 - (iii) memberikan Bursa sejumlah salinan prospektus bercetak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (iv) mengumumkan kepada Bursa jadual masa indikatif tawaran awam permulaan yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 di bawah;
- (e) sekiranya penyenaian itu melibatkan tawaran sekuriti kepada awam, pemohon mengumumkan tahap pelangganan dan asas peruntukan;
- (f) pemohon menerbitkan sekuriti dan notis pengumpulan-pengumpulan;
- (g) pemohon mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkaitan selaras dengan perenggan 8.2 di bawah; dan
- (h) sekuriti tersebut dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa.

3.0 Borang permohonan penyenaian dan dokumen sokongan

3.1 Pemohon mesti menyerahkan simpan dengan Bursa permohonan penyenaian yang terdiri dari yang berikut:

- (a) permohonan, di dalam borang dari Bahagian A Tambahan GN15-A; dan
- (b) dokumen sokongan yang ditentukan dalam Bahagian B Tambahan GN15-A.

Dokumen sokongan yang ditetapkan dalam Bahagian B Tambahan GN15-A.

4.0 Aku janji dan pengesahan

4.1 Pemohon mesti memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk dari Tambahan GN15-B.

4.2 Pemohon mesti memastikan bahawa -

- (a) setiap pengarahnya memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk dari Tambahan GN15-C; dan
- (b) setiap pengarah yang merupakan atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan kepada Bursa sebuah surat dalam bentuk dari Tambahan GN15-D.

5.0 Pemberitahuan/Pengiklanan sekuriti yang ditetapkan oleh Bursa untuk didepositkan dengan Depositori

Nota Panduan 15
Prosedur Penyenaiaan untuk Permulaan Penerimaan Masuk

- 5.1 Berhubung preskripsi oleh Bursa dari sekuriti pemohon untuk didepositkan dengan Depositori menurut seksyen 14 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**Preskripsi**"), pemohon mesti menyerahkan kepada Bursa salah satu dari yang berikut:
- (a) pengesahan bertulis kepada Bursa bahawa maklumat yang dinyatakan dalam daftarnya termasuk alamat-alamat pemegang syernya adalah telah dikemas kini dan pada tarikh tidak lebih dari 14 hari sebelum -
 - (i) tarikh penerbitan prospektus; atau
 - (ii) tarikh tutup buku yang dicadangkan,mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemberitahuan kepada pemegang syernya mengenai Preskripsi itu; atau
 - (b) jika pemohon tidak dapat memberikan pengesahan yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) di atas, bayaran kepada Bursa, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, untuk caj-caj pengiklanan yang ditanggung atau yang akan di tanggung oleh Bursa menurut seksyen 14(2) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 berhubung Preskripsi.
- 5.2 Pemohon mesti menyerahkan pengesahan yang sebut dalam perenggan 5.1(a) di atas 3 hari pasaran yang jelas sebelum -
- (a) tarikh penerbitan prospektus; atau
 - (b) tarikh tutup buku yang dicadangkan,
- yang mana berkenaan.
- 6.0 Penyenaiaan sekuriti yang diterbitkan dan tidak diterbitkan**
- 6.1 Pemohon mesti memohon kelulusan untuk menyenaraikan sahaja -
- (a) bahagian sekuriti yang telah diterbitkan; dan
 - (b) sekuriti yang akan diterbitkan berhubung permohonan penyenaiaan.
- 6.2 Sekiranya jumlah tambahan tidak diterbitkan dikhaskan untuk penerbitan yang berikut untuk satu tujuan tertentu, pemohon mesti memohon satu kelulusan untuk menambahkan jumlah itu ke dalam Senarai Rasmi di masa hadapan untuk tujuan tertentu tersebut.
- 6.3 Pemohon tidak boleh memohon kelulusan untuk penyenaiaan mana-mana sekuriti yang tidak dikhaskan untuk penerbitan berikut untuk sesuatu tujuan tertentu.
- 6.4 Pemohon mesti menyerahkan permohonan untuk sebutan harga untuk jumlah yang dikhaskan tersebut yang telah diberikan kelulusan menurut perenggan 6.1(b) di atas, apabila penerbitan sebenarnya jumlah tersebut selaras dengan peruntukan Bab 6 Kehendak-kehendak Penyenaiaan.

7.0 Klasifikasi pemohon

Nota Panduan 15
Prosedur Penyenaian untuk Permulaan Penerimaan Masuk

- 7.1 Pemohon mesti mencadangkan kepada Bursa kepada klasifikasinya ke dalam salah satu sektor yang telah ditetapkan oleh Bursa, selaras dengan kriteria yang ditetapkan oleh Bursa.
- 7.2 Pemohon mesti memberikan kepada Bursa suatu cadangan mengenai klasifikasinya yang dibuat selaras dengan perenggan 7.1 di atas, di dalam borang yang ditetapkan oleh Bursa.
- 7.3 Klasifikasi adalah tertakluk kepada kelulusan Bursa. Bursa boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya mengklasifikasikan pemohon ke dalam sektor lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

8.0 Pengumuman kepada Bursa

- 8.1 Pemohon mesti mengumumkan jadual masa indikatif dari tawaran awam permulaan seperti berikut apabila penerbitan prospektus dan sebelum tarikh penyenaian:
- (a) tarikh pembukaan dan penutupan dari tempoh tawaran;
 - (b) tarikh pengundian, jika ada;
 - (c) tarikh pengumpulan-pengumpulan sekuriti tawaran awam permulaan; dan
 - (d) tarikh penyenaian tentatif.
- 8.2 Pemohon mesti mengumumkan dengan serta merta yang berikut apabila menerima pengesahan yang berkaitan dari Depositori bahawa syer-syer tersebut adalah sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun sekuriti masing-masing:
- (a) tarikh sebenar penyenaian;
 - (b) jumlah bilangan syer yang akan disenaraikan;
 - (c) nama ringkas saham, kod saham dan kod ISIN; dan
 - (d) sektor dan pasaran di dalam mana sekuriti akan disenaraikan.

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

TAMBAHAN GN15-A

BAHAGIAN A

Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk sekuriti

(perenggan 3.1(a); perenggan 3.1(a) Nota Panduan 16; Kaedah 5.02 (5) Kehendak-kehendak Penyenaian)

Sila tik mana yang berkenaan. Sekiranya tidak terpakai, sila tandakan "T/T"
 [Anda boleh tik lebih dari satu kotak, jika berkenaan]

Potong yang sesuai

1.	Nama syarikat	
2.	Jenis cadangan korporat	2.1 Tawaran Awam Permulaan ("IPO") <input type="checkbox"/> 2.2 Cadangan yang mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan atau dasar perbadanan tersenarai ("RTO") <input type="checkbox"/>
	Perincian cadangan yang menjadi bahagian dari cadangan IPO/ RTO s	
	Bilangan & jenis sekuriti yang dipohon untuk penyenaian & harga terbitan (jika ada)	

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

3.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu itu akan di senaraikan dan disebut harga	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/> (b) Lain-lain: (sila nyatakan) ----- Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain dari RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
4.	TAWARAN AWAM PERMULAAN ("IPO")	
4A	Proforma spread pemegang syer awam	(a) <u>SYER-SYER BIASA</u> []% dan [] pemegang syer awam (b) <u>SEKURITI BOLEH TUKAR/ SYER KEUTAMAAN</u> [] Pemegang-pemegang
4B	Tarikh penyenaian tentatif (untuk tentukan)	
4C	3 pilihan teratas untuk nama ringkas saham (terhad kepada 7 aksara)	(a) Opsyen 1: (b) Opsyen 2: (c) Opsyen 3:
4D	Pengesahan penyenaian berantai	(a) Syarikat kami adalah sebuah subsidiari atau syarikat pemegang perbadanan yang sedang tersenarai di Pasaran Utama atau Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (" Bursa ") Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> (b) Semua kehendak berkaitan dengan penyenaian berantai menurut Kaedah 3.03 Kehendak-kehendak Penyenaian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (" KP ") telah dipatuhi Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
4E	Pengesahan lain	Kami mengesahkan bahawa:

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

		<ul style="list-style-type: none"> (a) Perniagaan teras pemohon adalah bukan pemegangan pelaburan di dalam perbadanan tersenarai lain (Kaedah 3.04 KP) (b) Pemohon mempunyai modal kerja yang mencukupi yang tersedia untuk keperluan semasanya dan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh prospektusnya untuk IPO (Kaedah 3.05 KP) (c) Pemohon mematuhi dengan kehendak mengenai keselantaran pengurusan menurut Kaedah 3.06 KP (d) Spread pemegangan syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang diinginkan pemohon untuk penyenaian akan mematuhi Kaedah 3.10 KP.
4F	Aku janji	<p>We membuat aku janji berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengembalian pengumpulan-pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung perbadanan asing, dokumen berkaitan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar yang terkininya akan difailkan dengan pihak berkuasa berkaitan menurut undang-undang tempat ia diperbadankan; (b) Semua notis pengumpulan-pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaian dan sebut harga sekuriti; (c) sekuriti akan berkedudukan pari passu dalam semua hal antara satu sama lain; (d) spread pemegangan syer awam berdasarkan jumlah syer yang diinginkan pemohon untuk penyenaian akan mematuhi Kaedah 3.10 KP; (e) satu jadual pengagihan sebenar dari spread pemegangan syer awam yang disebutkan dalam butiran (d) di atas, seperti Bahagian B(1) Tambahan GN15 - A, akan diberikan kepada Bursa pada hari pertama penyenaian; (f) maklumat berikut mengenai moratorium penjualan sekuriti akan diserahkan kepada Depositori sebelum penyenaian: <ul style="list-style-type: none"> (i) nama-nama pemegang sekuriti; (ii) bilangan sekuriti; dan (iii) tarikh luput moratorium; (g) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian dan sebutan harga sekuriti akan dipenuhi;

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

		<p>(h) semua maklumat pengumpulan sekuriti baru akan diserahkan kepada Depositori untuk pengkreditan sekuriti ke dalam akaun-akaun pemegang sekuriti masing-masing;</p> <p>(i) tidak terdapat keadaan atau fakta yang mempunyai kesan mencegah atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebutan harga sekuriti tersebut termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(j) untuk memberitahu Bursa dengan serta merta apabila mula menyedari, setelah penyerahan permohonan penyenaian, bahwa pemohon telah gagal memenuhi mana-mana aka janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (h) atau apa-apa keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (i) di atas;</p> <p>(k) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkaitan selaras dengan perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Panduan 15; dan</p> <p>(l) untuk mengumumkan keputusan suku tahunan terkini, jika berkenaan, sekurang-kurangnya 2 hari pasaran sebelum tarikh penyenaian.</p>
5.	CADANGAN YANG MENGAKIBATKAN PERUBAHAN YANG SIGNIFIKAN DALAM HALUAN PERNIAGAAN ATAU DASAR PERBADANAN TERSENARAI ("RTO")	
5A	Pengesahan Nota Panduan 2	<p>(a) Syarikat kami adalah sebuah Syarikat Tunai Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Cadangan dalam butiran (2) adalah satu cadangan penyelarasan yang disebut dalam Kaedah 8.03(5) KP Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>
5B	Pengesahan Nota Panduan 3 ("GN3")	<p>(a) Syarikat kami adalah sebuah Syarikat GN3 Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Cadangan dalam butiran (2) adalah satu pelan penyelarasan yang disebut dalam Kaedah 8.04(3) KP Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>
5C	Pengesahan penyenaian berantai	<p>(a) Syarikat kami adalah sebuah subsidiari atau syarikat pemegang perbadanan yang sedang tersenarai di Pasaran Utama atau Pasaran ACE Bursa Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Semua kehendak berkaitan dengan penyenaian berantai menurut Kaedah 3.03 KP telah dipatuhi Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

5D	Kedudukan sekuriti baharu	<p>Sekuriti baharu #akan/tidak akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti tersenarai sedia ada dari kelas yang sama.</p> <p>Sekiranya sekuriti baharu akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaian, perincian mengenai dari tidak-berhak itu:</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
5E	Persyaratan cadangan/ penetapan harga	<p>(a) Harga terbitan #adalah/tidak bergantung pada mana-mana cadangan lain</p> <p>(b) Cadangan ini #adalah/tidak bergantung pada mana-mana cadangan lain.</p> <p>Jika ya, untuk memberikan perincian dari pelaksanaan korporat lain, termasuk anggaran rangka masa untuk penyempurnaan:</p> <p>_____</p>
5F	Proforma spread pemegang syer awam	<p>(a) <u>SYER BIASA</u></p> <p>[]% dan [] pemegang syer awam</p> <p>(b) <u>SEKURITI BOLEH TUKAR/ SYER KEUTAMAAN</u></p> <p>[] Pemegang-pemegang</p>
5G	Pengesahan lain	<p>Kami mengesahkan bahawa:</p> <p>(a) Perniagaan teras pemohon adalah bukan pemegang pelaburan dalam perbadanan tersenarai lain (Kaedah 3.04 KP)</p> <p>(b) Pemohon mempunyai modal kerja yang mencukupi yang tersedia untuk keperluan semasanya dan -</p> <p>(i) dalam kes IPO, untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh prospektusnya untuk IPO; atau</p> <p>(ii) dalam kes RTO, untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh pekelilingnya kepada pemegang syer yang meminta kelulusan mereka untuk melaksanakan RTO.</p> <p>(c) Pemohon mematuhi kehendak keselajaran pengurusan menurut Kaedah 3.06 KP</p> <p>(d) Spread pemegang syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang diinginkan pemohon untuk penyenaian akan mematuhi Kaedah 3.10 KP.</p>

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

5H	Aku janji untuk cadangan RTO	<p>Kami membuat aku janji berikut:</p> <p>(a) pengembalian pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung perbadanan asing, dokumen yang berkaitan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkininya akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkaitan menurut undang-undang tempat ia diperbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang berhak secepat mungkin dan dalam keadaan apa pun, selewat-lewatnya 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebutan harga;</p> <p>(c) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian dan sebutan harga sekuriti, akan dipenuhi;</p> <p>(d) tidak terdapat atau fakta yang mempunyai kesan mencegah atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebutan harga sekuriti itu termasuk apa-apa perintah, injuksi atau arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(e) untuk memberitahu Bursa dengan serta merta apabila mula menyedari, setelah penyerahan permohonan penyenaian, bahawa perbadanan tersenarai telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c) atau apa-apa keadaan atau fakta yang disebutkan dalam perenggan (d) di atas; dan</p> <p>(f) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkaitan selaras dengan perenggan 12.2 Nota Panduan 17, jika berkenaan.</p>
6.	SKIM PENERBITAN SYER (SEBAGAI BAHAGIAN DARI CADANGAN IPO)	
6A	Pengesahan	Kami mengesahkan bahawa Skim Penerbitan Syer tersebut adalah dalam pematuhan sepenuhnya dengan Bahagian G, Bab 6 KP.
<p>_____ [Penandatanganan Penaja yang Dibenarkan] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>_____ [Penandatanganan Perbadanan yang Ditaja] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

BAHAGIAN B**Dokumen untuk difailkan dengan permohonan penyenaian**

(perenggan 3.1 (b); perenggan 3.1 (b) Nota Panduan 16; Kaedah 5.02 (5) Kehendak-kehendak Penyenaian)

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

- (1) Pemohon mesti memfail dokumen berikut dalam menyokong permohonan penyenaian:
- (a) satu salinan setiap perlembagaan dan semua pindaan terkini dan satu salinan setiap notis pendaftaran/perakuan diperbadankan, perakuan perubahan status dan perakuan pertukaran nama, jika ada, bersama-sama satu surat pematuhan menurut Kaedah 2.12 Kehendak-kehendak Penyenaian dan satu senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan peruntukan yang berkaitan dalam Bab 7 Kehendak-kehendak Penyenaian;
 - (b) satu salinan prospektus draf yang diserahkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan;
 - (c) satu salinan spesimen setiap denominasi perakuan dari kelas yang akan disenaraikan. Sekiranya pejabat pindahan dan pendaftar diselenggarakan lebih dari satu tempat, satu spesimen setiap denominasi perakuan yang digunakan di setiap pejabat (lihat Bab 8 Kehendak-kehendak Penyenaian untuk bentuk dan kandungan perakuan);
 - (d) pernyataan mengenai peratusan dari jumlah bilangan syer yang diinginkan penyenaian yang dipegang oleh awam, bilangan jumlah pemegang syer awam dan proforma pengagihan syer dalam format berikut:

Butir-butir	Bilangan syer	Bilangan pemegang syer	Peratusan %
Modal syer			
Ditolak:			
Pengarah pemohon dan subsidiarinya			
Pemegang syer substansial pemohon (kecuali jika pemegang syer tersebut boleh termasuk sebagai "awam")			
Sekutu pengarah atau pemegang syer substansial pemohon			
Pemegang syer Yang memegang kurang dari 100 syer	-----		
Pemegang syer awam			

- (e) satu surat aku janji dalam bentuk dari Tambahan GN15-B yang telah ditandatangani oleh pemohon bersama-sama ekstrak diperakui benar dari ketetapan lembaga pengarah pemohon yang memberi kuasa kepada penandatangan;

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

-
- (f) satu surat aku janji dalam bentuk dari Lampiran GN15-C yang ditandatangani oleh setiap pengarah pemohon;
 - (fA) satu surat aku janji yang ditandatangani oleh orang-orang berikut bahawa mereka akan mematuhi kehendak moratorium untuk tempoh yang dinyatakan dalam Kaedah 3.19 Kehendak-kehendak Penyenaian:
 - (i) dalam kes IPO, setiap penganjur pemohon, atau jika penganjur adalah perbadanan tidak tersenarai, semua pemegang syer langsung dan tidak langsung dari penganjur (sama ada individu atau perbadanan tidak tersenarai lain) sehingga kepada pemegang syer individu akhir; atau
 - (ii) dalam kes RTO, vendor aset, atau jika vendor adalah sebuah perbadanan tidak tersenarai, semua pemegang syer langsung dan tidak langsung dari vendor (sama ada individu atau perbadanan tidak tersenarai lain) sehingga ke pemegang syer individu akhir;
 - (g) satu surat dalam bentuk dari Tambahan GN15-D yang telah dilaksanakan oleh setiap pengarah bebas pemohon;
 - (h) satu surat dari Penaja perbadanan tersenarai, mengesahkan semua kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan telah diperolehi;
 - (i) satu salinan dari semua surat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkaitan;
 - (j) satu cadangan mengenai klasifikasi pemohon dalam sektor tertentu dalam borang yang ditetapkan;
 - (k) 2 salinan laporan penilaian harta tanah yang berkenaan dan satu salinan surat aku janji jurunilai dalam bentuk dari Tambahan 6D Kehendak-kehendak Penyenaian (jika terpakai);
 - (kA) satu salinan laporan bebas penyelidikan pasaran yang disediakan oleh pakar bebas yang mengandungi maklumat mengenai industri dan pasaran di mana pemohon beroperasi yang akan membantu pemahaman pelabur mengenai perniagaan pemohon. Laporan tersebut mesti meliputi, antara lain, latar belakang pakar bebas, gambaran keseluruhan industri, ulasan mengenai saiz, pandangan, prospek, prospek dan langkap persaingan industri, serta gambaran keseluruhan dan penaksiran perniagaan pemohon terhadap industri ini;
 - (l) perincian mengenai keadaan percanggahan kepentingan (jika ada) seperti berikut:
 - (i) sifat dan takat percanggahan kepentingan itu atau potensi percanggahan kepentingan;
 - (ii) pihak-pihak dalam percanggahan; dan
 - (iii) langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan keadaan percanggahan kepentingan;
 - (m) pengisytiharan oleh pemohon atau jika ia adalah RTO, perisytiharan oleh vendor aset atau pemegang syer mengawal dari vendor (jika ia adalah sebuah perbadanan) bahawa

**Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk**

-
- (i) di dalam 10 tahun yang terakhir, ia tidak pernah didakwa atau disabitkan dalam prosiding jenayah atau pun dinamakan sebagai subjek dari prosiding jenayah yang belum selesai;
 - (ii) di dalam 10 tahun terakhir, tidak terdapat penghakiman yang dibuat terhadapnya, atau penemuan kesalahan, membuat perakuan yang salah, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihaknya, melibatkan pelanggaran undang-undang atau kehendak peraturan yang berkait dengan pasaran modal;
 - (iii) di dalam 10 tahun terakhir, ia tidak menjadi subjek kepada mana-mana prosiding sivil, yang melibatkan tuduhan penipuan, membuat perakuan yang salah, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan pada pihak kami yang berkait dengan pasaran modal;
 - (iv) ia bukan subjek dari mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah, kerajaan, atau pihak atau badan berkuasa kawal selia peraturan yang secara sementara mengarahnya dari terlibat dalam sebarang jenis amalan atau aktiviti perniagaan;
 - (v) ia bukan subjek kepada mana-mana penyiasatan semasa ini atau prosiding tatatertib, atau dalam 10 tahun terakhir, ia tidak pernah ditegur atau dikeluarkan apa-apa amaran oleh pihak berkuasa kawal selia, bursa sekuriti atau derivatif, badan profesional atau agensi kerajaan;
 - (v) tidak ada penghakiman yang tidak memuaskan terhadapnya; dan
 - (vi) di dalam 10 tahun terakhir, tidak ada petisyen difail bawah undang-undang kesolvenan (dan tidak dibatalkan) terhadapnya; atau tidak ada petisyen di bawah mana-mana undang-undang kesolvenan difailkan (dan tidak dibatalkan) terhadap orang itu atau mana-mana perkongsian di mana orang itu adalah rakan kongsi atau mana-mana perbadanan yang mana orang itu pernah menjadi pengarah atau anggota pengurusan kanan utama (jika vendor atau pemegang syer mengawal adalah seorang individu);
- (n) perisytiharan oleh para pengarah pemohon, atau jika ia adalah RTO, perisytiharan oleh para pengarah perbadanan tersenarai, para pengarah perbadanan yang diperoleh dan para pengarah vendor aset bahawa -
- (i) di dalam 10 tahun terakhir, tidak ada petisyen bawah undang-undang kebangkrapan atau kesolvenan terhadap mereka atau mana-mana perkongsian di mana mereka adalah rakan kongsi atau mana-mana perbadanan di mana mereka pernah menjadi pengarah atau anggota pengurusan kanan utama ;
 - (ii) mereka tidak didiskualifikasikan dari bertindak sebagai pengarah mana-mana perbadanan, atau dari mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan mana-mana perbadanan;
 - (iii) di dalam 10 tahun terakhir, mereka tidak pernah didakwa atau disabitkan di dalam prosiding jenayah juga tidak dinamakan sebagai subjek prosiding jenayah yang belum selesai;

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

-
- (iv) di dalam 10 tahun terakhir, tidak ada penghakiman yang dibuat terhadap mereka, atau penemuan kesalahan, membuat perakuan yang salah, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihak mereka, yang melibatkan pelanggaran undang-undang atau kehendak kawal selia peraturan yang berkaitan dengan pasaran modal;
 - (v) di dalam 10 tahun terakhir, mereka bukan subjek mana-mana prosiding sivil, yang melibatkan tuduhan penipuan, perakuan yang salah, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihak mereka yang berkait dengan pasaran modal;
 - (vi) mereka bukan subjek mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah, kerajaan, atau pihak atau badan berkuasa kawal selia peraturan yang secara sementara yang mengarahkan mereka dari terlibat dalam mana-mana amalan atau aktiviti perniagaan;
 - (vii) mereka bukan subjek kepada mana-mana siasatan semasa atau prosiding tatatertib, atau dalam 10 tahun terakhir, mereka tidak pernah ditegur atau dikeluarkan amaran oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia, bursa sekuriti atau derivatif, badan profesional atau agensi kerajaan; dan
 - (viii) tidak ada penghakiman yang tidak memuaskan dibuat terhadap mereka.
- (nA) perincian berikut dari semua pemegang syer substansial sedia ada dan dicadangkan dari pemohon dan setiap subsidiari sedia ada atau yang dicadangkan dan syarikat bersekutunya:
- (i) untuk individu, nombor kad pengenalan/pasport, umur dan alamat semasa mereka; dan
 - (ii) untuk perbadanan, nombor pendaftaran dan alamat semasa mereka;
- (nB) nombor kad pengenalan/pasport, alamat semasa dan kewarganegaraan para pengarah, ketua eksekutif dan pengurusan utama pemohon dan subsidiarinya;
- (o) senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Nota Panduan 18;
- (p) surat pemberitahuan yang dikeluarkan oleh pemohon untuk pelantikan pengurus penstabil yang merangkumi -
- (i) jika pengurus penstabil adalah Organisasi Peserta, nama, alamat perniagaan dan orang hubungan Organisasi Peserta, nama Wakil Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan melakukan tindakan penstabilan;
 - (ii) jika pengurus penstabil bukan Organisasi Peserta, nama dan alamat perniagaan orang yang dilantik sebagai pengurus penstabil dan orang hubungannya, nama Organisasi Peserta dan nama Perwakilan Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang telah dilantik untuk melakukan tindakan penstabilan;
 - (iii) jika pengurus penstabil dilantik di luar Malaysia, nama, alamat dan orang hubungan pengurus penstabil yang dilantik di bidang kuasa itu, nama, alamat dan orang hubungan Organisasi Peserta yang dilantik di Malaysia untuk melakukan tindakan penstabilan di Malaysia, berserta dengan nama Wakil Pemegang Lesen

Tambahan GN15-A
Permohonan penyenaian untuk penerimaan masuk

Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan melakukan tindakan penstabilan di Malaysia; atau

- (iv) aku janji untuk memberitahu Bursa sebarang perubahan terkemudian dari pengurus penstabil, Pemegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal atau Organisasi Peserta, jika berkenaan, dengan serta merta apabila ada perubahan; dan
 - (q) cek yang dikeluarkan untuk membayar Bursa Malaysia Securities Berhad atau bukti bayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa untuk fi penyenaian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa, bersama-sama satu salinan perincian mengenai pengiraan jumlah fi penyenaian yang perlu dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak terpakai atau tersedia dalam hal apa pun, pemohon mesti menyerahkan ekshibit berasingan yang menjelaskan mengapa dokumen tersebut tidak terpakai atau disediakan.

[Tambahan tamat]

TAMBAHAN GN15-B

Aku janji oleh pemohon

(perenggan 4.1; perenggan 4.1 Nota Panduan 16)

Kepada
Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Tuan,

Pematuhan dengan Kehendak Penyenaian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**")

Sebagai balasan dari Bursa Securities meluluskan #permohonan untuk penerimaan masuk... .. ("**Perbadanan**") ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") dan untuk sebutan harga rasmi sekuriti yang diterangkan dalam permohonan penyenaian/cadangan korporat Perbadanan yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar ("**Perbadanan**"), KAMI MENGAKUI bahawa Perbadanan akan tetap berada dalam Senarai Rasmi, dan sebutan harga rasmi mana-mana sekuriti Perbadanan akan berterusan hanya semasa disenangi Bursa Securities.

KAMI BERJANJI DAN BERSETUJU LEBIH LANJUT untuk mematuhi Kehendak Penyenaian Pasaran Bursa Securities ACE dan Kaedah Bursa Securities, termasuk mana-mana pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa, setakat mana terpakai untuk Perbadanan.

**Aku janji ini dianggap telah dibuat di Malaysia dan pembinaan, kesahihan dan pelaksanaan Aku janji ini ditadbir urus di dalam semua hal oleh undang-undang Malaysia dan KAMI tunduk secara tidak boleh batal kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku janji di atas telah ditandatangani oleh saya sebagai... [gelaran]... [nama Perbadanan] menurut kuasa yang diberikan kepada saya melalui ketetapan dari Lembaga Pengarah Perbadanan pada....

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Potong mana yang tidak wajar

** Terpakai untuk Pemohon asing sahaja.

[Tambahan tamat]

TAMBAAN GN15-C

Aku janji oleh pengarah pemohon /perbadanan tersenarai

(perenggan 4.2(a); perenggan 4.2(a) Nota Panduan 16; Kaedah 8.18 dan Kaedah 15.03(1) Kehendak-kehendak Penyenaraian)

Kepada
Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan dengan Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE

Saya, [Nama pengarah], adalah seorang pengarah [nama pemohon/perbadanan tersenarai] ("**Perbadanan**") yang telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") untuk diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") / # disenaraikan dalam Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**").

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Perbadanan untuk penerimaan masuk ke Senarai Rasmi/membenarkan penyenaraian berterusan Perbadanan dalam Senarai Rasmi, SAYA BERJANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities, termasuk mana-mana pindaan sebagai bagaimana sebagaimana yang boleh dibuat dari semasa ke semasa, setakat mana hal yang sama yang terpakai kepada saya sebagai seorang pengarah Perbadanan.

**Aku janji ini dianggap telah dibuat di Malaysia dan pembinaan, kesahihan dan pelaksanaan Aku janji adalah ditadbir urus dalam semua hal oleh undang-undang Malaysia dan saya tunduk secara tidak boleh batal kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....
Nama:

No KP. (Lama & Baru)

** No Pasport & Negara dikeluarkan

Pangkat:

Tarikh:

potong mana yang tidak wajar

** Terpakai untuk pengarah asing sahaja

[Tambahan tamat]

TAMBAHAN GN15-D

Surat pengesahan oleh pengarah bebas pemohon / perbadanan tersenarai

(perenggan 4.2(b); perenggan 4.2(b) Nota Panduan 16; Kaedah 8.18 dan Kaedah 15.03(2) Kehendak-kehendak Penyenaraian)

Kepada
Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pengesahan "bebas" menurut Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE

Saya, [nama pengarah], adalah seorang pengarah.... [nama pemohon/perbadanan tersenarai] yang # telah menyerahkan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") untuk diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi Bursa Securities / # sedang disenaraikan dalam Senarai Rasmi Bursa Securities.

Saya MENGESAHKAN DAN MENGISYTIHARKAN bahawa saya adalah pengarah bebas seperti yang ditakrifkan bawah Kaedah 1.01 Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities.

**Aku janji ini dianggap telah dibuat di Malaysia dan pembinaan, kesahihan dan pelaksanaan Aku janji adalah ditadbir urus dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya tunduk secara tidak boleh batal kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....

Nama:

No KP. (Lama & Baru)

** No Pasport & Negara Dikeluarkan

Jawatan:

Tarikh:

Nota:

Potong mana yang tidak wajar

** Terpakai untuk pengarah bebas asing sahaja.

[Tambahan tamat]